

Zagreb International Fair, Croatia telah menjadi lokasi lakaran kejayaan bagi barisan penyelidik muda UniMAP. Penyertaan julung kali bagi pertandingan 36th International Invention Show INOVA 2011 ini telah menyaksikan penyertaan sebanyak 5 produk daripada penyelidik UniMAP serta 3 produk di bawah kerjasama antara sekolah bersama EYReC iaitu dengan masing-masing membawa 1 produk; iaitu daripada Sek. Men. Sains Tunku Syed Putra, Perlis ; Sek. Men. Vokasional Teluk Intan, Perak ; Sek. Men. Sains Kuching, Sarawak.

Pertandingan yang telah berlangsung pada 8 hingga 13 November 2011 ini telah memberi peluang serta pendedahan yang amat bermakna bagi wakil pelajar agar terus mempergiatkan usaha dalam bidang inovasi dan penyelidikan. Kejayaan produk-produk penyelidik muda UniMAP telah diumumkan pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah pada 12 November 2011. Hasil daripada keazaman penyelidik muda, maka terhasillah kejayaan merangkul



Kecemerlangan **PENYELIDIK MUDA UNIMAP TERLAKAR DI BUMI ZAGREB, CROATIA**

Oleh : Cik Aizatul Akma Wani Ariffin

4 emas dan 1 perak bagi penyelidik UniMAP, di mana 3 produk telah berjaya menggondol anugerah khas daripada para juri iaitu; produk Natural Organic Surface Finish for Electronic Metallization Application oleh Flora Somidin daripada PPK Bahan telah berjaya mendapat anugerah 'Best Invention Award (Tera Tehnopolis). Seterusnya, 2 lagi anugerah khas telah dimenangi melalui produk Texturisation Of Single Crystalline Silicon Solar Cell oleh Khor Kang Nan daripada PPK Mikroelektronik (Korea Grand Award) dan produk Eco-Friendly Thermoplastic From Glutinous Rice Starch oleh Chan Ming Yeng telah memenangi Korea Special Award.

Manakala, kejayaan bertambah manis apabila produk daripada Sek. Men. Sains Tunku Syed Putra berjaya membolot 2 anugerah khas iaitu Korea Special Award dan juga TAIWAN Special Award melalui produk Bio-Oil : The Use Of Special Made Catalyst oleh Mohd Syafiq Abdullah. Bagi Sek. Men. Vokasional Teluk Intan berjaya memperolehi SILVER AWARD (Romania) melalui produk Bio-Fert Agrimo oleh pelajarnya iaitu Ammar Idrus.

Secara keseluruhannya, delegasi penyelidik muda EYReC telah berjaya membolot 6 emas dan 2 perak. Kejayaan ini membuktikan kesinambungan kejayaan yang dikecapi oleh EYReC bagi memastikan barisan penyelidik muda terus mendapat peluang dalam penyertaan pertandingan inovasi dan penyelidikan peringkat dalaman mahupun antarabangsa.